



UiTM Cawangan Selangor ungguli KARiSMA

Oleh **Syafiq Aznan** - Oktober 4, 2022 @ 10:30pm
syafiq.aznan@bh.com.my



Kontinjen UiTM cawangan Selangor bergambar beramai-ramai bagi meraikan kejayaan mereka menjuarai KARiSMA 2022.

KUALA LUMPUR: Kontinjen UiTM Cawangan Selangor jelas berada dalam kelas tersendiri selepas mengungguli Karnival Sukan Mahasiswa (KARiSMA) 2022 apabila dinobatkan sebagai juara keseluruhan karnival itu.

Ini selepas mereka berjaya mengutip mengutip 18 emas, 10 perak dan 10 gangsa sekali gus menewaskan 13 lagi pencabar lain yang turut mengambil bahagian.

Tempat kedua menjadi milik UiTM Shah Alam selepas memenangi 10 emas, 10 perak dan sembilan gangsa sementara tempat ketiga dimenangi UiTM Cawangan Negeri Sembilan dengan tujuh emas, tiga perak dan 12 gangsa.

Perebutan 'ibu segala pingat' membabitkan acara bola sepak menyaksikan UiTM Cawangan Selangor menewaskan UiTM Shah Alam 4-3 menerusi penentuan penalti selepas aksi berakhir tanpa jaringan.

Tempat ketiga dikongsi bersama UiTM Pahang dan Negeri Sembilan.

Sebagai rekod, karnival yang bermula pada 28 September hingga 4 Oktober di UiTM Shah Alam itu mempertandingkan 14 acara sukan.

Antara acara terbabit adalah sukan bola sepak, bola baling, bola jaring, pingpong, boling padang, bola tampar, catur, badminton, sepak takraw, petanque, tenis, futsal, bola keranjang dan hoki.

Edisi kali ini menyaksikan seramai 3040 orang atlet, pegawai serta sukarelawan 'berkampung' di UiTM Shah Alam sepanjang temasya terbabit berlangsung.